



SAMPUL 1

(*Unit Asrama*)

(DISERAHKAN DI KAUNTER PENDAFTARAN ASRAMA @ DEWAN SERI NIRAI, 21 JUN 2026, 8.30 pagi – 12.30 tgh)

NAMA PELAJAR	
NO. TELEFON	
NO. PENDAFTARAN	CONTOH : 21DIT26F1000 / 21DRG26F1000
NO. BILIK	

(Tampil helaian ini di sampul surat bersaiz A4)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DA KOLEJ KOMUNITI

SENARAI SEMAK DOKUMEN ASRAMA SESI I : 2026/2027



Dokumen-dokumen berikut mesti diserahkan pada hari pendaftaran. Dokumen pendaftaran yang telah lengkap diisi dan perlu diketipkan (*staple*) sekali mengikut tertib/aturan. **Setiap dokumen mestilah di cetak pada satu muka kertas untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Pendaftaran : _____

No. Telefon Pelajar : _____

Bil	Dokumen	Tanda (v)
SEDIAKAN SURAT TAWARAN PENGAJIAN UNTUK IMBASAN <i>BARCODE</i> DI KAUNTER KAMSIS		
1	Senarai Semak Dokumen Asrama	
2	Borang Pendaftaran Asrama	
3	Borang Akuan Penerimaan Bilik	
4	Borang Perjanjian Tatatertib Asrama	
5	Peraturan Asrama	
6	Slip Bayaran iPayment Yuran Asrama (RM360)	
7	Gambar Passport 1 keping	

Arahan : -

1. Sila sertakan dokumen di atas mengikut susunan.
2. Masukkan semua dokumen ke dalam sampul surat bersaiz A4
3. Cetak mukasurat di bawah dan tampal pada sampul surat.

Saya telah menyemak dan memastikan semua dokumen lengkap.

.....
Tandatangan Pelajar

Tarikh :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BORANG PENDAFTARAN ASRAMA

ASRAMA POLITEKNIK BALIK PULAU
PINANG NIRAI MUKIM E, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG



SESI		I : 2026/2027										NO. BILIK					
MAKLUMAT PELAJAR (SILA TULIS DENGAN HURUF BESAR)																	
NAMA PENUH														JANTINA	L	P	
NO. K/P								UMUR									
NO. PEND.		2 1 D		2 6 F 1		SEMESTER											
PROGRAM																	
BANGSA								AGAMA									
ALAMAT RUMAH																	
POSKOD								BANDAR									
NEGERI																	
NO. TEL (H/P)								NO.TEL (R)									
MAKLUMAT WARIS / PENJAGA (Nama yang boleh dihubungi ketika kecemasan)																	
NAMA PENUH														HUBUNGAN			
ALAMAT RUMAH																POSKOD	
BANDAR								NEGERI									
NO. TEL (R)								NO.TEL (H/P)									
PEKERJAAN								NO.TEL (Pej.)									
MAKLUMAT PEMBAYARAN (sila sertakan slip pembayaran sebagai bukti)																	
YURAN		RM360.00		iPayment Ref. No. / Bank Ref. No.				TARIKH BAYARAN				TANDA-TANGAN					
PERAKUAN																	

Lekatkan Gambar
Terkini bersaiz passport

Saya mengesahkan segala maklumat adalah BENAR. Sekiranya terdapat maklumat yang TIDAK LENGKAP atau TIDAK BENAR maka saya bersetuju untuk TIDAK DILULUSKAN permohonan menduduki kamsis ini.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**UNIT PENGURUSAN KAMSIS
POLITEKNIK BALIK PULAU**

Pinang Nirai Mukim E, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang



BORANG AKUAN PENERIMAAN / PENYERAHAN BILIK

SESI AKADEMIK :	I : 2026/2027										BLOK		NO. BILIK :	
NAMA PENGHUNI :														
NO. PEND. :	2	1					F				SEMESTER :			PROGRAM
NO. K/P					-		-				NO. H/P			

IKRAR

Saya/kami mengaku bahawa telah menerima bilik dan peralatan seperti yang disenaraikan di bawah berada dalam keadaan baik dan lengkap. Sekiranya kami tidak mengisytiharkan dengan betul kerosakan atau kehilangan sebelum atau semasa kami menginap di bilik berkenaan, kami mengaku sanggup **MEMBAYAR GANTI RUGI** dengan nilai yang termaktub atau seperti senarai harga yang telah ditetapkan atau **DIAMBIL TINDAKAN TATATERTIB**. Segala kerosakan di blok adalah tanggungjawab semua penghuni blok tersebut.

BIL	PERALATAN KELENGKAPAN	SEMASA DAFTAR MASUK		SEMASA DAFTAR KELUAR		CATATAN PEMERIKSAAN
		Kuantiti (Bil. Item)	Kualiti	Kuantiti (Bil. Item)	Kualiti	
1	Katil Bujang	2				
2	Tilam	2				
3	Kerusi	2				
4	Almari Pakaian	2				
5	Meja Belajar	2				
6	Langsir	2				
7	Lampu Kalimantan	2				
8	Kipas Angin Siling	1				
9	Soket Elektrik	2				
10	Pintu Bilik (tombol & kunci)	1 set				
11	Cermin Tingkap	1 set				
12	Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW PA 7)	1				
13	Dinding Bilik					
14	Access Point (AP)	1 set				
15	Lain-lain (cth: Siling)					

CATATAN:

1. Sila tanda di dalam ruang "KUALITI" keadaan barang yang disenaraikan sama ada BAIK, CUKUP BILANGAN, ROSAK, BERCONTENG, KOYAK, PECAH, TIDAK BOLEH DIGUNAKAN, LEKANG.

<u>PENERIMAAN BILIK</u>		<u>PENYERAHAN BILIK</u>	
Tandatangan Penghuni	:	Tandatangan Penghuni	:
Tarikh terima kunci	:	Tarikh serah kunci	:
Tandatangan Pemeriksa	:	Tandatangan Pemeriksa	:
Tarikh	:	Tarikh	:

* PENTING: Jika berlaku sebarang kerosakan pada peralatan dan keadaan bilik sila laporkan segera ke Pejabat Pengurusan Kamsis.

BORANG INI HENDAKLAH DIISI DAN DIHANTAR KE PEJABAT KAMSIS DALAM TEMPOH 3 HARI SELEPAS MENERIMA KUNCI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

PEJABAT ASRAMA POLITEKNIK BALIK PULAU Pinang
Nirai Mukim E, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang



BORANG PERJANJIAN TATATERTIB

(salinan pelajar)

1. Saya* _____,
*(NAMA PELAJAR DALAM HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan _____ dengan ini berjanji dengan pihak berkuasa Asrama bahawa sebagai pelajar yang berdaftar menetap di Asrama Politeknik Balik Pulau, saya :

- (i) Akan mematuhi semua peraturan Asrama yang berkuatkuasa dan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Asrama.
- (ii) Akan sentiasa bersikap dan berkelakuan baik serta berbudi pekerti tinggi pada bila-bila masa semasa saya berdaftar sebagai pelajar menetap di Asrama Politeknik Balik Pulau.
- (iii) Dengan rela hati menerima sebarang tindakan tatatertib ke atas diri saya sekiranya saya gagal memenuhi perjanjian yang saya buat seperti di (i) dan (ii) di atas dengan pihak berkuasa Asrama.

Tandatangan Pelajar : Tarikh :

2. Saya* _____, No.
*(NAMA WARIS/PENJAGA DALAM HURUF BESAR)

Kad Pengenalan _____ sebagai waris/penjaga kepada pelajar yang bernama seperti di atas dengan ini memberi jaminan kepada pihak berkuasa Asrama bahawa pelajar yang bernama seperti di atas :

- (i) Akan mematuhi semua peraturan Asrama yang berkuatkuasa dan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Asrama.
- (ii) Akan sentiasa bersikap dan berkelakuan baik serta berbudi pekerti tinggi pada bila-bila masa semasa beliau berdaftar sebagai pelajar menetap di Asrama Politeknik Balik Pulau.
- (iii) Akan menjaga bilik penginapan dan peralatan dalam bilik tersebut berkeadaan baik dan bersih semasa menghuni atau selepas meninggalkan bilik tersebut.

Saya juga memberi kebenaran kepada pihak berkuasa untuk :

- (i) Mengambil sebarang tindakan tatatertib ke atas pelajar yang bernama seperti di atas sekiranya beliau gagal memenuhi perjanjian yang dibuat dengan pihak berkuasa Asrama seperti di atas.
- (ii) Menjalankan ujian air kencing ke atas pelajar bernama seperti di atas pada bila-bila masa sekiranya difikirkan perlu.
- (iii) Mengambil tindakan yang perlu ke atas pelajar yang bernama seperti di atas sekiranya berlaku sebarang kes kecemasan.
- (iv) Tidak akan mengambil tindakan mahkamah jika anak saya dihukum kerana melanggar peraturan dan tatatertib asrama dan seumpamanya.

Saya juga bersetuju untuk menjelaskan sebarang bayaran yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa Asrama semasa pelajar yang bernama seperti di atas berdaftar menetap di asrama/Asrama Politeknik Balik Pulau.

Tandatangan Waris/Penjaga : Tarikh :

* **silalah tulis dalam huruf besar**



PERATURAN ASRAMA PBU

1. Dasar dan peraturan yang terkandung Peraturan Asrama PBU adalah berasaskan kepada Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 dan Peraturan Politeknik Balik Pulau.
2. Penempatan yang disediakan di Asrama PBU adalah merupakan satu kemudahan dan bukan hak tersendiri.
3. Pihak berkuasa Asrama boleh menarik balik tawaran tempat tinggal di Asrama PBU atas sebab-sebab kepentingan politeknik.
4. Yuran Asrama, wang kebajikan dan lain-lain bayaran hendaklah dibuat sepenuhnya untuk penginapan bagi satu semester pengajian pada hari pendaftaran atau pada tarikh pelajar mula tinggal di Asrama.
5. Pelajar yang menarik diri setelah pendaftaran Asrama dibuat tidak akan mendapat balik yuran Asramanya.
6. Hanya pelajar yang berdaftar sebagai penghuni Asrama PBU sahaja dibenarkan tinggal di Asrama PBU.
7. Penghuni Asrama tidak dibenarkan menarik diri dari menjadi penghuni Asrama PBU atau keluar untuk tinggal di luar tanpa kebenaran pihak ibu bapa, penjaga atau pihak berkuasa Asrama.
8. Pihak berkuasa Asrama boleh mengarah seseorang penghuni mengosongkan biliknya atau berpindah ke tempat tinggal yang lain pada bila-bila masa sekiranya perlu.
9. Penghuni Asrama tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana tetamu atau pelawat di mana-mana bilik di Asrama PBU.
10. Pertukaran bilik adalah tidak dibenarkan. Sebarang pertukaran bilik atas sebab kesihatan atau lain-lain sebab perlu diperakukan oleh Pegawai Perubatan dan mendapat kebenaran pihak berkuasa Asrama.
11. Penghuni bilik adalah bertanggungjawab memelihara harta-benda kerajaan yang disediakan. Bayaran denda atau gantirugi akan dikenakan jika berlaku kerosakan, kecemaran, kekotoran ataupun kehilangan mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Asrama.
12. Kebersihan bilik asrama hendaklah menjadi amalan dan tanggungjawab penghuni bilik berkenaan semasa menginap di bilik asrama tersebut.
13. Dilarang menampal sebarang kertas pada dinding bilik, perabot atau pada peralatan Asrama yang terdapat di dalam bilik asrama dengan menggunakan gam kekal.
14. Penghuni bilik diwajibkan mematikan (switch-off) lampu, kipas dan sebarang peralatan elektrik setiap kali meninggalkan biliknya.
15. Pelajar hendaklah berpakaian kemas dan sesuai pada setiap masa di kawasan Asrama.
16. Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlengan atau pakaian yang kecil dan ketat atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina atau menghina atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran adalah dilarang.
17. Semasa bersukan dan aktiviti ko-kurikulum, semua pelajar-pelajar muslim dimestikan berpakaian yang menutup aurat dan bersopan bagi yang bukan muslim.
18. Bertudung kepala bagi pelajar perempuan beragama Islam adalah diwajibkan pada setiap masa.
19. Bagi pelajar perempuan bukan beragama Islam, rambut hendaklah sentiasa kemas. Rambut yang mengerbang atau rambut yang beraneka fesyen adalah ditegah.
20. Semua pelajar lelaki adalah dilarang memakai apa jua bentuk rantai leher atau rantai lengan atau subang.
21. Memasak di Asrama adalah **tidak dibenarkan**.
22. Hanya bahan makanan dan minuman yang halal di sisi agama Islam sahaja dibenarkan untuk dibawa ke Asrama.
23. Peralatan muzik atau alat muzik seperti gitar, drum, trumpet adalah dilarang dan tidak dibenarkan.
24. Peralatan elektrik/elektronik seperti periuk nasi, *heater*, televisyen, peti sejuk, peralatan audio video dan pengering rambut (*hair dryer*) adalah dilarang dan tidak dibenarkan.
25. Segala bentuk penyambung elektrik atau pengubahsuaian sambungan elektrik di bilik atau di mana-mana bahagian bangunan Asrama adalah ditegah.
26. Penghuni adalah dilarang membuat bising dengan apa cara sekalipun sehingga mengganggu ketenteraman di Asrama penghuni lain.
27. Penghuni Asrama dilarang dan ditegah menyimpan dan memelihara apa jua jenis binatang di dalam dan di luar bilik asrama.

28. Penghuni dilarang berada di mana-mana kawasan Asrama atau kawasan kampus PBU selepas jam 10.45 malam kecuali di bilik asrama masing-masing atau di bilik Studi/Belajar yang disediakan oleh pihak berkuasa Asrama.
29. Penghuni yang membawa masuk seseorang bukan penghuni Asrama yang berdaftar ke bilik atau ke kawasan bangunan blok Asrama tanpa kebenaran pihak berkuasa Asrama akan dikenakan tindakan tatatertib.
30. Penghuni Asrama lelaki dan perempuan yang keluar dari kawasan kampus PBU atas urusan harian dikehendaki masuk semula ke kampus tidak lewat dari jam 10.00 malam pada Isnin-Jumaat dan 10.00 malam pada Sabtu dan Ahad.
31. Penghuni Asrama yang keluar dari kawasan kampus PBU atas urusan harian perlu meninggalkan 'Kad Keluar Kawasan' di Pondok Pengawal dan mendapatkannya kembali pada hari yang sama apabila memasuki kampus PBU.
32. Penghuni Asrama lelaki dan perempuan yang bermalam di luar kampus atau balik kampung pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki masuk semula ke kampus tidak lewat dari jam 10.00 malam pada hari terakhir cuti.
33. Penghuni Asrama yang bercadang bermalam di luar kampus atau balik kampung pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek dikehendaki mendapat kelulusan yang daripada warden bertugas sebelum meninggalkan kawasan kampus PBU.
34. Penghuni Asrama yang tidak mengikut peraturan atau prosedur 'Keluar-Masuk' kawasan kampus termasuk kawasan asrama PBU, maka akan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak berkuasa Asrama.
35. Penghuni Asrama yang berkenaan adalah diwajibkan menghadiri, mengikuti dan mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa Asrama.
36. Pelajar lelaki dan wanita yang berdua-duaan dalam keadaan yang kurang sopan dan mencurigakan dengan pelajar politeknik atau orang luar yang berlainan jantina di mana-mana kawasan kampus politeknik atau di luar kampus politeknik adalah ditegah dan dilarang.
37. Kawasan blok kediaman pelajar wanita adalah menjadi kawasan larangan kepada pelajar atau pelawat lelaki dan kawasan blok kediaman lelaki adalah menjadi kawasan larangan pelajar atau pelawat wanita.
38. Sebarang bentuk ancaman, ugutan, deraan atau 'ragging' adalah dilarang.
39. Tiada seorang pelajar boleh ada di dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bentuk bahan lucah (termasuk di dalam telefon bimbit atau dalam komputer), jenis dadah, bahan beracun, bahan yang memabukkan dan apa-apa jenis rokok juga apa-apa jenis senjata di kawasan Asrama.
40. Pelajar adalah dilarang melibatkan diri dengan najis dadah, minuman keras, berjudi, mencuri atau kegiatan politik, kumpulan haram dan apa-apa kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara.
41. Basikal, motosikal dan kereta pelajar tidak dibenarkan dibawa masuk dan diletakkan (parking) ke dalam kawasan Asrama PBU kecuali mendapat kelulusan dari pihak berkuasa Asrama.
42. Menjadi kewajipan setiap pelajar muslimin dan muslimat untuk menunaikan solat 5 waktu setiap hari.
43. Pelajar muslimin diwajibkan untuk menunaikan solat Jumaat.
44. Penghuni Asrama hendaklah sentiasa berkelakuan baik, berdisiplin dan berhemah tinggi serta memelihara suasana tenteram dan harmoni di Asrama.
45. Pelajar adalah dilarang berkelakuan sumbang seperti khalwat, zina, bohsia, bohjan dan sebagainya di dalam dan di luar kampus politeknik.
46. Berniaga tanpa kebenaran pihak berkuasa Asrama adalah dilarang.
47. Pelajar Asrama PBU hendaklah melekatkan pekat Asrama PBU pada kad matrik PBU.
48. Masa lawatan Waris menemui penghuni Asrama PBU ditetapkan seperti berikut :
 - (i) Hari Kuliah : 5.00 petang hingga 8.00 malam
 - (ii) Hari Cuti : 8.00 pagi hingga 8.00 malam
49. Waris/Tetamu semasa melawat penghuni Asrama dikehendaki menunggu dan menemui penghuni Asrama ditempat/wakaf yang ditetapkan atau di Kafeteria PBU sahaja. Waris/Tetamu tidak dibenarkan masuk ke kawasan Asrama PBU kecuali dengan kelulusan pihak berkuasa Asrama.

Tandatangan Pelajar : Tarikh :

Nama Pelajar :